

Tambah penyertaan Orang Asli dalam profesion akademik

BERITA HARIAN 14/02/2019 MS 148

➔ Pendidikan adalah hak kepada setiap individu di sesebuah negara

Amanat Menteri Pendidikan 2019 oleh Dr Maszlee Ali, baru-baru ini antaranya menyentuh soal pendidikan inklusif. Dalam usaha menjayakan agenda pendidikan inklusif ini, tumpuan akan diberikan untuk mengurangkan kadar keciciran murid dan memastikan golongan orang kurang upaya (OKU), B40, Orang Asli dan kanak-kanak tanpa dokumen turut menerima pendidikan seperti murid lain.

Kementerian Pendidikan (KPM) akan memastikan mulai tahun ini, pintu institusi pendidikan akan terbuka seluas-luasnya kepada semua kanak-kanak yang berhak.

Hakikatnya, pendidikan adalah hak kepada setiap individu di sesebuah negara. Adalah tidak wajar untuk mana-mana golongan dalam negara ini terpinggir daripada menerima pendidikan hanya

kerana perbezaan status sosial mereka.

Tidak dinafikan terdapat jurang ketara antara masyarakat Orang Asli dengan masyarakat Malaysia lain dalam soal pendidikan. Jika ditinjau dalam konteks Orang Asli, tahap penyertaan mereka dalam pendidikan tinggi masih kecil sama ada pada peringkat ijazah, sarjana dan kedoktoran.

Berdasarkan laporan Jabatan Kemajuan Orang Asli, statistik mahasiswa Orang Asli yang tamat pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) dari 1971 sehingga 2016 iaitu 47 graduan peringkat matriks/asasi; sijil (340); pra diploma (126); diploma (650); ijazah (912); sarjana (24) dan PhD (empat). Angka ini menunjukkan hanya hampir satu peratus sahaja masyarakat Orang Asli mendapat pendidikan pada peringkat tertuari.

Antara isu utama yang sering dipersoalkan adalah bagaimana kita mengubah laluan Orang Asli dari peringkat sekolah ke universiti sehingga diserap masuk sebagai tenaga kerja profesional termasuk ahli akademik di IPT. Hal ini timbul kerana faktor kekurangan pelajar Orang Asli ke IPT memberi kesan langsung kepada

jumlah ahli akademik dalam kalangan Orang Asli yang sangat kecil.

Mengubah nasib

Tulisan ini akan memberikan fokus kepada pembangunan profesion akademik dalam kalangan Orang Asli. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, kekurangan tenaga pengajar dan kakitangan profesional dan sokongan dalam kalangan Orang Asli di universiti sangat berkait rapat dengan bilangan pelajar dan kejayaan pelajar Orang Asli pada peringkat siswazah dan pasca siswazah.

Ketika ini tidak ramai Orang Asli yang berkhidmat dalam sektor pendidikan tinggi khususnya, ahli akademik. Seharusnya penambahan jumlah Orang Asli dalam institusi pendidikan tinggi perlu digiatkan dari semasa ke semasa.

Dalam hal ini, cerdik pandai Orang Asli perlu lebih ramai dilantik sebagai pensyarah bagi membantu memperkembangkan ilmu watan mereka, terutamanya dalam bidang kritikal seperti sains dan teknologi, pendidikan, perubatan, undang-undang dan beberapa bidang yang diperlukan.

Kepakaran Orang Asli



Orang Asli yang menjadi ahli akademik boleh menjadi ikon dan suri teladan sekali gus menjadi inspirasi anak muda Orang Asli untuk turut sama berjaya dan memilih profesion yang sama. Mereka tidak perlu lagi menoleh dan mencari pihak lain, sebaliknya melihat kumpulan daripada komuniti mereka sendiri untuk berjaya”

amat diperlukan dalam menjayakan bidang profesion akademik yang pelbagai. Ini sekali gus akan memberi nilai tambah kepada kualiti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan pemindehan ilmu juga kepakaran kepada masyarakat.

Antara perkara yang perlu diberikan perhatian bagi meningkatkan bilangan Orang Asli dalam profesion akademik adalah motivasi pada peringkat awal, faktor persekitaran juga latar belakang keluarga. Impian anak Orang Asli untuk mengubah nasib dan taraf kehidupan keluarga akan memotivasikan mereka untuk memilih profesion akademik.

Suri teladan

Kesempatan hidup dan faktor sokongan persekitaran dan ahli keluarga turut membantu Orang Asli untuk terus memajukan diri dan memilih profesion akademik untuk memperbaiki mutu kehidupan mereka.

Selain itu, dasar intervensi bagi menggalakkan Orang Asli memilih profesion akademik perlu dilakukan melalui program dan inisiatif khusus yang mengambil kira keperluan Orang Asli yang sebenar.

Tidak dinafikan, hanya

pendidikan yang mampu mengubah nasib Orang Asli. Melalui kerjaya ahli akademik, mereka bukan sahaja mampu mengubah nasib keluarga sendiri tetapi menjadi pemacu kepada pembangunan Orang Asli secara keseluruhannya.

Orang Asli yang menjadi ahli akademik boleh menjadi ikon dan suri teladan sekali gus menjadi inspirasi anak muda Orang Asli untuk turut sama berjaya dan memilih profesion yang sama. Mereka tidak perlu lagi menoleh dan mencari pihak lain, sebaliknya melihat kumpulan daripada komuniti mereka sendiri untuk berjaya.

Sebagai permulaan, akses kepada pendidikan tinggi dalam kalangan Orang Asli perlu dipertingkatkan secara radikal sebelum kita dapat menyaksikan lebih ramai ahli akademik Orang Asli boleh dihasilkan pada masa akan datang. Bak kata pepatah, “Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.”

* Penulis juga Pensyarah Kanan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM). Bidang kepakaran beliau adalah Antropologi dan Sosiologi